

TARIKH : 11 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 37

### PETRONAS tubuh unit perniagaan tenaga bersih



#### Syarikat lakukan rombakan operasi global termasuk hapus beberapa aset di luar negara

Syarikat minyak nasional, PETRONAS akan menubuhkan unit perniagaan yang menumpu kepada penyelesaian tenaga bersih sebagai sebahagian daripada rombakan operasi global.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PETRONAS, Tengku Muhammad Taufik mengumumkan perubahan itu dalam sesi *townhall* dalam selama dua jam pada Selasa lalu, demikian menurut rakaman

pertemuan itu yang disemak oleh *Bloomberg*.

Beliau berkata, pelancaran perniagaan penyelesaian tenaga bersih disasarkan seawal pertengahan tahun ini.

PETRONAS juga akan melupuskan aset di Myanmar, Chad dan Azerbaijan.

"PETRONAS secara kerap dan proaktif menyemak strategi serta portfolio perniagaan dengan menyeluruh bagi memastikan kumpulan kekal berdaya tahan berikutan landskap tenaga yang sentiasa berubah," kata syarikat itu dalam jawapan e-mel, sambil menambah ia "tidak berada dalam kedudukan untuk memberikan butiran lanjut".

Perubahan yang diumumkan pada Selasa itu termasuk rombakan di Kanada, di mana PETRONAS bekerjasama dengan konsortium diterajui oleh Shell Plc dalam

projek eksport LNG Canada di pantai barat negara itu.

PETRONAS sebelum ini membatalkan projek Pacific Northwest LNG pada 2017 yang turut dicadangkan di pantai barat Kanada.

Unit Petronas Energy Canada sebelum ini mencadangkan loji petrokimia bernilai AS\$1 bilion (RM4.2 bilion) di wilayah yang kaya dengan minyak dan gas, Alberta.

CEO Petronas Energy Canada, Mark Fitzgerald akan berpindah dari Calgary ke Kuala Lumpur untuk menjadi naib presiden bagi aset antarabangsa Petronas Global, demikian menurut unit perniagaan Kanada itu menerusi e-mel.

Ketua Pegawai Kewangan Petronas Energy Canada, Izwan Ismail, akan mengambil alih jawatan CEO di Calgary.

BLOOMBERG